

PBAKL 2015

# Perkembangan gajet tak harus jejas budaya membaca

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2015 yang membawa tema 'Buku: Menjana Kepintaran Kreatif' dan berakhir Ahad lalu, adalah kali ke-34 dianjurkan selain acara tahunan sangat dinanti-nantikan pencinta ilmu serta penggemar buku.

Pesta buku adalah pameran besar-besaran untuk orang ramai mengetahui mengenai buku terbaru di samping menjadi ruang penerbit memperkenalkan produk mereka. Sering kali juga pesta ini dimeriahkan dengan majlis pelancaran buku dan diskusi buku. Penganjuran pesta buku sebagai acara tahunan, mampu menggalakkan dan menanam budaya membaca dalam masyarakat seterusnya memajukan industri buku negara.

Budaya membaca adalah faktor penting demi memastikan industri buku berkembang pesat dalam sesebuah negara di samping faktor lain seperti dasar kerajaan terhadap industri buku dan kadar celik huruf. Impian melihat industri penjana intelektual masyarakat ini maju ke hadapan akan tercapai jika banyak pihak mengambil peranan.

## Sikap pinggir budaya suka membaca

Sikap meminggirkan budaya suka membaca dan acuh tak acuh masyarakat terhadap ilmu pengetahuan meranapkan harapan melihat agar masyarakat dapat dianggap seratus peratus menjadi masyarakat 'buku' setanding masyarakat negara maju yang sudah tidak perlu diungkapkan lagi tabiat mereka terhadap buku dan ilmu pengetahuan.

Apabila Dasar Buku dilancarkan, berlaku suatu perkembangan drastik dalam tempoh dasar ini dilancarkan iaitu pada tahun 1988 hingga tahun 2000. Bagi-



Pesta Buku Antarabangsa 2015 yang dianjurkan baru-baru ini **mendapat sambutan menggalakkan daripada pencinta ilmu.** [GAMBAR HIASAN]

manapun, ia tidak banyak membantu pertumbuhan budaya suka membaca, mencintai buku dan ilmu dalam kalangan masyarakat.

Hal ini pernah disuarakan oleh bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Dr Hassan Ahmad, dalam pembentangan kertas kerja berkaitan dasar Buku Negara di seminar industri buku kebangsaan pada tahun 2003.

Beliau berkata, antara perkembangan itu adalah perusahaan ilmu digantikan dengan pengetahuan untuk menjadikan manusia celik maklumat dalam penggunaan komputer, internet dan sebagainya. Media elektronik pula makin lama menjadi media hiburan dengan meminggirkan pendidikan dan budaya tinggi.

Ini bermakna, dalam kalangan rakyat seolah-olah tidak me-

ngambil pusing dan bimbang akan ketiadaan tradisi memperkayakan minda melalui membaca dan berasa tenang dan santai menyusuri cabaran dunia dalam era yang sentiasa menggugah nuansa minda dan pemikiran.

Sedangkan negara yang rakyatnya tidak dihinggap 'sindrom' malas membaca seperti Amerika, Perancis dan Jerman sering berasa bimbang apabila rakyat mereka sedikit demi sedikit mula meminggirkan pembacaan bahan serius, buku utama, berwacana tinggi dan mengikat diri mereka dengan sejarah dalam usaha membebaskan diri daripada tekanan dan kepalsuan hidup.

Kegusaran ini tercetus daripada pengalaman sejarah kemanusiaan itu sendiri yang tidak dapat menafikan peranan intelektualisme dalam perjalanan sejarah. Kita berasa perubahan ke arah me-

nyelerakan khalayak 'menjamah' buku sebagai hidangan istimewa masih pada tahap mengharap. Buku masih kurang menyelerakan dan tidak lazat meskipun berkhasiat.

## Khalayak dihujani gajet

Selera itu telah dipotong oleh pelbagai perkembangan terkini terutama media elektronik apatah lagi kini khalayak dihujani gajet yang beraneka jenis dan mempersonakan.

Jangan kita lupa titipan kata pengarang *Books That Changed the World* (1956): "Buku sering menjadi pemangkin semangat dan berkuasa mengubah arah perkembangan sesuatu peristiwa."

Tiada siapa dapat menduga kejatuhan Pearl Harbour di tangan Jepun pada tahun 1941 hasil strategi dan perancangan Jeneral Isoroku Yamamoto adalah hasil ins-

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

pirasi daripada novel *The Great Pacific War*, karya Hector C Bywater. Beliau adalah bekas ejen British yang aktif menulis perihal angkatan laut sepanjang tahun 1920-1940. Rentetan daripada itu penulis William Khonan, menamakan judul buku beliau *Bywater: The Man Who Invented The Pacific War*.

Oleh kerana itu, gerakan berterusan perlu dipergiatkan. Gerakan membaca bukan sekadar gerakan pinggir, berjangka masa pendek dan tidak juga bermusim. Ia mestilah berterusan, sistematik dan berorganisasi.

Justeru, penganjuran PBAKL amat penting bagi menggamit masyarakat berpesta dengan buku di samping ia melambangkan kemajuan industri perbukuan negara yang menjadi teras kepada perkembangan ilmu dan maklumat. Kemajuan dan perkembangan industri buku sekali gus melambangkan ciri ketamadunan dan kemajuan sebuah negara.

**Syed Shahrman Syed Ali,**  
Pusing, Perak